



جابت آنکام إسلام فتح

ARAHAH TATACARA PELAKSANAAN MAJLIS AKAD NIKAH DI NEGERI PAHANG SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN

Adalah dimaklumkan, merujuk kepada situasi semasa berkaitan dengan pelanjutan tempoh arahan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Jabatan Agama Islam Pahang dengan ini menggariskan panduan pelaksanaan majlis akad nikah di Negeri Pahang hendaklah dilaksanakan dengan mematuhi tatacara sepertimana berikut :-

1. **Keutamaan** pelaksanaan majlis akad nikah diberikan kepada bakal pasangan pengantin yang telah mendapat kebenaran berkahwin (telah mendapat borang Akuan Akad) daripada Pejabat Agama Islam Daerah.
2. Majlis akad nikah hanya **dilaksanakan di Pejabat Agama Islam Daerah sahaja atau di suatu tempat yang difikirkan sesuai oleh Al-Fadhil Qadhi Daerah** bagi tujuan keselamatan, pematuhan tatacara serta kemudahan pemantauan.
3. Pemohon perlulah memuat turun serta mencetak borang permohonan di <https://emunakahat.pahang.gov.my/> dengan melengkapkan “Borang Permohonan Khas Majlis Akad Nikah Dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan” (*LAMPIRAN A(i) & A(ii)*) dan seterusnya dimelarkan ke Pejabat Agama Islam Daerah (*LAMPIRAN B*).

4. Pejabat Agama Islam Daerah akan membuat semakan dengan Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) mengenai maklumat pihak yang dinyatakan di dalam borang permohonan bagi mengesahkan pihak yang hadir bukan merupakan senarai Pesakit Dalam Siasatan (*Person Under Investigation* atau PUI) dan Pesakit Dalam Pemantauan (*Person Under Surveillance* atau PUS) bagi tujuan keselamatan. Mana-mana pihak yang tersenarai dalam senarai PUI atau PUS tidak dibenarkan untuk hadir ke majlis akad tersebut.
5. Borang permohonan yang lengkap akan diproses oleh Pejabat Agama Islam Daerah dalam tempoh 7 hari. Satu surat pemakluman kepada pemohon akan diberikan melalui emel bagi menentukan tarikh dan masa majlis akad akan dilaksanakan (*LAMPIRAN C*). Surat pemakluman tersebut perlulah dicetak oleh pemohon bagi tujuan pengesahan perjalanan hadir ke Pejabat Agama Islam Daerah.
6. Al-Fadhil Qadhi Daerah akan menentukan giliran tempoh waktu pelaksanaan majlis akad nikah mengikut jadual yang akan disusun oleh pihak Pejabat Agama Islam Daerah dengan mengambil kira perbincangan bersama pihak pemohon.
7. Pemohon dan pihak-pihak yang terlibat dalam majlis akad perlulah melepassi dan mematuhi langkah-langkah keselamatan yang akan dilaksanakan di peringkat Pejabat Agama Islam Daerah seperti berikut :-
 - i. Pemakaian *mask*
 - ii. Melepassi ujian suhu
 - iii. Penggunaan *hand sanitizer* (penyahkuman)
 - iv. Penjarakan sosial (sekurang-kurangnya 1 meter)
 - v. Patuh susun atur kedudukan majlis yang ditentukan
 - vi. Membuat sanitasi tempat majlis akad

8. **Meminimakan** kehadiran orang ke majlis (tidak melebihi 8 orang) dan hanya yang berkeperluan untuk hadir seperti berikut:

- | | | |
|-------------------------|---|--------------------------|
| i. Seorang jurunikah | } | Ditentukan oleh Al-Fadhl |
| ii. Dua orang saksi | | Qadhi Daerah |
| iii. Pengantin lelaki | | |
| iv. Pengantin perempuan | | |
| v. Seorang Wali | | |

9. Tempoh masa pelaksanaan majlis akad nikah hendaklah dipendekkan dan **tidak melebihi 20 minit.**

10. Semua yang hadir pada majlis akad nikah berkenaan hendaklah **didaftarkan** nama, alamat semasa serta nombor telefon dan diserahkan kepada Al-Fadhl Qadhi Daerah atau wakilnya.

11. Upacara adat istiadat dalam majlis tersebut adalah tidak dibenarkan sama sekali.

12. Beberapa keping gambar majlis akad nikah tersebut akan diambil oleh Pejabat Agama Islam Daerah bagi tujuan penyediaan laporan, rekod serta kemungkinan perkara-perkara berbangkit.

13. Jika terdapat mana-mana pihak yang tidak mematuhi tatacara ini, Al-Fadhl Qadhi Daerah atau wakilnya dengan kuasa Ketua Pendaftar Nikah, Cerai dan Ruju' Negeri Pahang, boleh **menangguhkan** majlis tersebut.

Pengarah,
Jabatan Agama Islam Pahang

**CARTA ALIR PELAKSANAAN MAJLIS AKAD NIKAH
(BAGI PEMOHON YANG TELAH MENDAPAT KEBENARAN BERKAHWIN)**

BIL.	T/JAWAB	CARTA ALIR	PROSES KERJA
1.	PMH	<pre> graph TD Start(()) --> 1[1.] 1 --> 2[2.] 2 --> 3[3.] 3 --> Decision{ } Decision -- TIDAK --> 2 Decision -- YA --> 4[4.] </pre>	MULA Muat turun dan cetak borang permohonan majlis akad nikah beserta garis panduan di laman https://emunakahat.pahang.gov.my/
2.	PMH		Lengkapkan borang permohonan dan emailkan kepada PAID
3.	PAID		Menyemak borang permohonan
4.	PAID		Lengkap Membuat semakan ke PKD berkaitan status pihak-pihak yang terlibat dalam majlis akad seperti maklumat di dalam borang permohonan bahawa pihak ini bukan di kalangan PUI / PUS.
5.	PKD	<p>Jika ada pihak yang disahkan sebagai PUI/PUS, maka mereka tidak dibenarkan hadir ke majlis akad</p>	Mengeluarkan keputusan semakan untuk pemakluman PAID
6.	PAID		Membuat perbincangan dengan pemohon berkaitan tarikh / sesi / waktu pelaksanaan majlis akad
7.	PAID		Menghantar surat pemakluman dan pengesahan majlis akad kepada pemohon melalui email
8.	PMH		Cetak surat yang dihantar oleh pihak PAID bagi kegunaan pengesahan dan pergerakan.

9.	PMH	9.	Hadir ke PAID sepatimana waktu yang ditetapkan untuk majlis akad
10.	PAID	10.	Melaksana langkah keselamatan yang ditetapkan serta penyediaan tempat majlis akad
11.	PMH/PAID	11. Jika pihak yang hadir tidak mematuhi langkah keselamatan dan syarat minima hadir majlis akad, majlis akan ditangguhkan	Mematuhi tatacara majlis akad nikah yang ditetapkan
12.	PAID	12.	Melengkapkan borang Akuan Akad dan diserahkan kepada pemohon TAMAT

PMH : Pemohon

PKD : Pejabat Kesihatan Daerah

PAID : Pejabat Agama Islam Daerah

PUI : *Person Under Investigation* (Individu Dalam Siasatan)

PUS : *Person Under Surveillance* (Individu Dalam Pemantauan)

BORANG PERMOHONAN KHAS MAJLIS AKAD NIKAH DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

Keterangan berkenaan borang permohonan khas majlis akad nikah :

1. **Keutamaan** adalah kepada bakal pasangan pengantin yang telah mendapat kebenaran berkahwin daripada Pejabat Agama Islam Daerah (PAID).
2. Pemohon perlu melengkapkan borang permohonan dengan mengisi maklumat yang berkaitan dengan jelas dan terang menggunakan tulisan **HURUF BESAR**.
3. Borang yang telah lengkap diisi perlulah dijemelkan ke PAID tempat di mana permohonan majlis akad akan dilaksanakan.
4. Nama-nama yang dikemukakan oleh pemohon di dalam borang akan dirujuk ke Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) oleh PAID bagi tujuan pengesahan bahawa pihak yang dinyatakan adalah bukan di kalangan Individu Dalam Siasatan (PUI) atau Individu Dalam Pemantauan (PUS) mengikut rekod Kementerian Kesihatan.
5. Nama-nama yang dinyatakan di dalam borang sahaja yang **dibenarkan** hadir ke PAID semasa majlis akad nikah dilaksanakan.
6. Pihak-pihak yang tersenarai di kalangan PUI & PUS adalah **dilarang** sama sekali untuk hadir ke PAID. Sekiranya pihak yang tersenarai sebagai PUI & PUS di kalangan bakal pengantin, maka majlis akad hendaklah **ditangguhkan**.
7. Penentuan waktu pelaksanaan majlis akad nikah akan ditentukan oleh pihak PAID dengan mengambil kira perbincangan bersama pihak pemohon. Pemakluman berkaitan hal ini akan dimaklumkan oleh PAID kepada pemohon melalui emel yang dinyatakan oleh pemohon di dalam borang.
8. Jurunikh dan dua orang saksi ketika majlis akad nikah akan **ditetapkan** oleh Al-Fadhil Qadhi Daerah.



جابتن آكام إسلام فهغ

BORANG PERMOHONAN KHAS MAJLIS AKAD NIKAH DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) COVID-19

Saya , No.K/P
memohon kebenaran bagi melaksanakan Majlis Akad Nikah pada **cadangan**
ketetapan seperimana berikut :-

Tarikh :

Masa :

Tempat :

Butiran senarai nama kehadiran :

Penama 1 : Wali

Nama :

No. kad pengenalan:

No. telefon :

Alamat :

Penama 2 : Pengantin Lelaki

Nama :

No. kad pengenalan:

No. telefon :

Alamat :

Penama 3 : Pengantin PerempuanNama :
No. kad pengenalan:No. telefon :
Alamat :**Penama 4 : Wakil Keluarga**Nama :
No. kad pengenalan:No. telefon :
Alamat :**Penama 5 : Wakil Keluarga**Nama :
No. kad pengenalan:No. telefon :
Alamat :

UNTUK KEGUNAAN PEJABAT**LULUS / TIDAK LULUS****ULASAN :**

Al-Fadhil Qadhi Daerah _____**Tarikh :****CAP RASMI PAID**

AKAUN EMAIL (GMAIL) KHAS
BAGI TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)
UNTUK PERMOHONAN AKAD NIKAH SEPANJANG TEMPOH PKP

BIL	PEJABAT AGAMA ISLAM DAERAH	AKAUN EMAIL (gmail)
1.	KUANTAN	paidkuantanpkp@gmail.com
2.	ROMPIN	paidrompinpkp@gmail.com
3.	PEKAN	paidpekanpkp@gmail.com
4.	TEMERLOH	paidtemerlohpkp@gmail.com
5.	MARAN	paidmaranpkp@gmail.com
6.	BERA	paidberapkp@gmail.com
7.	JERANTUT	paidjerantutpkp@gmail.com
8.	BENTONG	paidbentongpkp@gmail.com
9.	CHENOR	paidchenorpkp@gmail.com
10.	RAUB	paidraubpkp@gmail.com
11.	LIPIS	paidlipispkp@gmail.com
12.	JENGKA	paidjengkapkp@gmail.com
13.	MUADZAM SHAH	paidmuadzampkp@gmail.com
14.	CAMERON HIGHLANDS	paidcameronpkp@gmail.com